

**NO. SOALAN: 524**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**RUJUKAN : 7688**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) Alasan Kerajaan menyerahkan MyEG untuk menjalankan tugas pembaharuan lesen pekerja asing dan tidak dijalankan oleh Jabatan Imigresen sendiri; dan
- (b) bayaran yang diperuntukkan bagi operasi MyEG.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.

Untuk makluman, sejak 7 Februari 2011 lagi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah bersetuju untuk melaksanakan secara rasmi pembaharuan PLKS bagi Pembantu Rumah Asing dan selanjutnya skop kerja yang sama diperluaskan untuk pembaharuan permit kerja bagi pekerja asing, disusuli perjanjian yang ditandatangani antara JIM dan MyEG pada 24 Februari 2012 bagi pelaksanaan perkhidmatan tersebut.

Bermula 1 Disember 2014, pihak Kementerian telah bersetuju untuk melaksanakan *Proof of Concept* (POC) bagi penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*). Adalah didapati bahawa kesesakan dan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat dikurangkan sebanyak 50% selepas pelaksanaan.

**Sebagai langkah awal bagi membolehkan majikan/ syarikat diberi peluang untuk membiasakan diri dengan proses PLKS *Online*, pihak JIM telah membenarkan permohonan lanjutan PLKS melalui kaunter JIM sehingga 28 Februari 2015. Walau bagaimanapun, bagi urusan pembaharuan di kaunter, semua majikan/ pengarah syarikat/ pengurus sumber manusia diwajibkan untuk hadir ke kaunter untuk membuat permohonan dan bagi mengelakkan penglibatan pihak ejen yang tidak sah. Pihak majikan akan diambil pengecaman biometrik bagi memastikan syarikat adalah sah dan pekerja asing yang dipohon adalah mengikut peraturan ditetapkan. Ini adalah kerana penglibatan ejen yang tidak sah serta individu yang tidak bertanggungjawab boleh memberikan ruang untuk memanipulasi yang boleh memberi kesan buruk terhadap pekerja asing, majikan dan pihak Kerajaan. *Insurance Guarantee (IG)* juga diwajibkan bagi setiap pekerja asing dan pihak JIM akan membuat verifikasi pembelian insurans secara *online* bagi memastikan ketulenan IG.**

**Pelaksanaan ini diharapkan dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna dan pihak Kerajaan. Pihak Kementerian sentiasa prihatin akan pengurusan pekerja asing dan akan memastikan penambahbaikan secara berterusan.**

- b) **Buat masa ini, kadar bayaran sejumlah RM38 kepada orang ramai oleh MyEG di bawah aplikasi e-Services adalah termasuk caj RM2 yang akan diambil oleh MyEG atas perkhidmatan *e-payment* yang ditawarkan. Baki RM36 merupakan caj perkhidmatan yang merangkumi penghantaran pelekat ke rumah pelanggan, pemprosesan permohonan, cetakan pelekat serta caj perkhidmatan untuk penyelarasan permohonan, khidmat bantuan pemeriksaan kesihatan dan proses pengesahan dan pengambilan *thumb print* majikan.**